



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH
BULAN HRMIS 2023
PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA

TARIKH:

01 OGOS 2023 (SELASA)

10.30 PAGI

LOKASI:

BILIK TANJUNG
ARAS 6, BLOK A,
KOMPLEKS KERJA RAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani

SALUTASI

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Ahmad Redza Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nadzri bin Embong
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Yang Berusaha Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Setiausaha-setiausaha Bahagian KKR,

Wakil-wakil Agensi dan hadirin sekalian,

Yang Berbahagia Datuk-Datuk/Dato'-Dato'/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian

1. Alhamdulillah, pagi ini kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Penutup Sambutan Bulan HRMIS 2023** yang telah berlangsung di sepanjang bulan Julai dengan pelbagai aktiviti dan program menarik.
2. Tahniah dan syabas kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya dan semua agensi; JKR, CIDB dan LLB di atas komitmen berterusan sehingga berjaya menganjurkan Sambutan Bulan HRMIS 2023 peringkat Kementerian Kerja Raya.

SAMBUTAN BULAN HRMIS 2023 PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA

3. Kejayaan sambutan bulan HRMIS 2023 yang julung kalinya diadakan secara kolaboratif dengan semua agensi adalah bukti kerjasama erat semua warga Kerja Raya. Bermula dengan perancangan yang teliti oleh Jawatankuasa Induk dan disokong oleh Jawatankuasa Pelaksana yang dianggotai oleh setiap wakil agensi, semua aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan sambutan yang amat menggalakkan.
4. Terima kasih kepada pihak **LLM** yang telah menganjurkan **Majlis Perasmian Bulan HRMIS 2023 pada 4 Julai 2023** dengan jayanya. Penghargaan juga kepada **CIDB yang telah banyak menyumbang dari segi kewangan untuk hadiah bagi semua pertandingan** yang dianjurkan dan **Jabatan Kerja Raya** yang bertanggungjawab ke atas promosi serta hebahan program di sepanjang bulan HRMIS.

5. Sambutan Bulan HRMIS pada tahun ini **meneruskan tema yang diperkenalkan oleh JPA pada tahun 2022 iaitu “Ketepatan Data Aspirasi Kita”** yang bertujuan mempergiatkan lagi usaha-usaha dalam meningkatkan kesedaran dan penggunaan aplikasi HRMIS di kalangan penjawat awam serta ketepatan kualiti data dalam HRMIS.
6. Justeru, besar harapan saya agar semua warga Kementerian Kerja Raya dan Agensi dapat memastikan data dalam HRMIS adalah merupakan data yang betul, tepat dan sentiasa dikemas kini. Kita sebagai **pemilik kompetensi** perlu memainkan peranan dan mempunyai kesedaran yang tinggi bagi menjadikan HRMIS sebagai pangkalan data yang berintegriti.

KEPENTINGAN HRMIS DI KALANGAN PENJAWAT AWAM

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Pengurusan Sumber Manusia dalam era teknologi dan digitalisasi ini perlu diadaptasi dan disesuaikan dengan perubahan yang tertentu termasuk jenis pekerjaan dan pengetahuan serta kemahiran baru yang diperlukan. Ia menjadi semakin kritikal selari dengan perubahan demografi, budaya, pemikiran dan penggunaan teknologi yang telah merubah cara bekerja pada masa kini dan akan datang.
8. Dalam menghadapi revolusi dan ekosistem digital, penjawat awam perlu sentiasa beradaptasi dengan cepat dalam membudayakan pengetahuan dan penguasaan digital. Ini kerana penjawat awam perlu memanfaatkan teknologi, data dan kecerdasan digital seterusnya meningkatkan

kemahiran digital serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam talian dalam perkhidmatan awam.

9. Justeru, saya memohon semua pihak agar dapat memberikan komitmen dan membuat pemantauan secara berterusan dalam menjaga urusan integriti data HRMIS dengan sebaik-baiknya kerana ia dapat memberikan manfaat kepada semua penjawat awam pada masa hadapan.

STATISTIK PENYERTAAN PERTANDINGAN BULAN HRMIS 2023

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

10. Seperti semua sedia maklum, pada bulan Julai yang lalu, pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan bagi menyemarakkan sambutan Bulan HRMIS pada tahun ini. Ia termasuk **bengkel dan taklimat HRMIS; pertandingan *treasure hunt* “The HRMIS Hunters”, kuiz Kahoot HRMIS, pertandingan reka cipta infografik, pertandingan *Crossword Puzzle* dan juga Hari Bertemu Pelanggan**. Saya ingin mengucapkan syabas kepada warga Kementerian Kerja Raya dan Agensi yang mengambil bahagian dalam kesemua pertandingan yang dianjurkan.
11. Saya dimaklumkan bagi pertandingan ***Treasure Hunt “The HRMIS Hunters”* yang diadakan secara fizikal pada 18 Julai 2023** telah berjaya dilaksanakan dengan sambutan yang sangat menggalakkan. Sebanyak **15 kumpulan** yang terdiri daripada **7 kumpulan mewakili JKR; 3 kumpulan mewakili KKR; 3 kumpulan mewakili LLM dan 2 kumpulan mewakili CIDB**.

12. Manakala bagi pertandingan **Kuiz Kahoot HRMIS**, ia disertai seramai **266 orang peserta**; **Pertandingan Crossword Puzzle** seramai **441 penyertaan** dan **Pertandingan Reka Cipta Infografik** seramai **48 penyertaan**. Adalah menjadi harapan saya, dengan penyertaan yang sangat menggalakkan ini di kalangan semua warga Kerja Raya dapat meningkatkan kecaknaan semua terhadap kepentingan HRMIS dan ketepatan data.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

13. Hari ini merupakan hari yang ditunggu-tunggu oleh semua peserta yang telah berjaya menyertai pertandingan sempena Bulan HRMIS 2023 ini. Bak kata pepatah, **adat pertandingan, ada kalah ada menang tetapi ia bukanlah segalanya**. Apa yang penting ialah komitmen yang diberikan oleh para peserta dan semangat berpasukan yang dipraktikkan dapat dijadikan nilai dalam melaksana tugas harian kita. Apa yang pasti, semua peserta sudah mencuba buat yang terbaik sepanjang pertandingan berlangsung. Saya berharap apa jua keputusan, ianya diterima dengan berlapang dada kerana semua peserta sudah melakukan sebaik mungkin.
14. Tidak dilupakan jua, **tahniah dan ribuan terima kasih buat barisan juri yang terpilih** kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam proses penjurian dan pemarkahan kepada para peserta. Saya yakin, keputusan yang dibuat ini adalah bersifat profesional dan berdasarkan kebijaksanaan barisan juri.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Sebagai penutup bicara, sekali lagi saya ucapkan syabas kepada Jawatankuasa Induk Sambutan Bulan HRMIS 2023 kerana telah berjaya melaksanakan pelbagai program sepanjang bulan Julai yang lalu. Diharapkan semua warga Kementerian dan agensi terus memacu citra kecemerlangan dalam memperkasakan pembudayaan penggunaan HRMIS.

**“DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM
SAYA DENGAN INI MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP DAN
PENYAMPAIAN HADIAH BULAN HRMIS BAGI TAHUN 2023”**

Wabillahi Taufik Wa Alhidayah Wa Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh.

Sekian, terima kasih.